

06 MAY 2002

Khalil-Kaunseling

KAKITANGAN PERLU MANFAATKAN UNIT KHIDMAT NASIHAT, KATA KHALIL

KUALA LUMPUR, 6 Mei (Bernama) -- Menteri Penerangan Tan Sri Khalil Yaakob menggesa kakitangan di bawah kementerian itu agar memanfaatkan Unit Khidmat Nasihat yang telah diwujudkan bagi memberikan perkhidmatan yang bertanggungjawab, cekap dan berwibawa kepada pelanggan.

"Tujuan atau objektif sebenar penubuhan unit kaunseling ini masih belum begitu difahami oleh semua pihak. Walaupun kita (kementerian) telah meletakkan pihak pengurusan tertinggi sebagai penasihat, namun pada hemat saya khidmat kaunseling ini belum jelas kepada pekerja," katanya.

Beliau berkata demikian dalam ucapan sempena Perhimpunan bulanan kementerian bagi Mei yang di sampaikan oleh Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan Datuk Zainuddin Maidin.

Katanya, unit khidmat nasihat atau kaunseling itu dapat menyediakan proses yang sistematik bagi membantu pelanggan.

Menurut beliau, khidmat kaunseling itu juga akan diperluaskan di peringkat negeri.

Dalam ucapannya, Khalil turut menyentuh mengenai idea Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk mewujudkan perkongsian bestari melalui pertukaran berita dan program televisyen bagi negara Selatan-Selatan atau Gerbang Maklumat Selatan-Selatan (SSIG).

Katanya, beliau dan beberapa pegawai kanan Kementerian telah melawat ke beberapa negara bagi mempromosikan idea penubuhan SSIG dan mendapat sambutan yang positif.

Katanya, apa yang membimbangkan beliau setakat ini ialah sama ada semua kakitangan kementerian boleh melaksanakan apa yang ditawarkan dengan sebaik-baiknya.

Khalil berkata idea penubuhan SSIG itu secara langsung memerlukan kakitangan kementerian mengamalkan "K-Workers" bagi menjamin kepantasan, kecekapan dan kepakaran yang akan disediakan kepada pelanggan, justeru memenuhi cita-cita untuk menjadikan negara ini pusat kecemerlangan informasi di rantau ini.

-- BERNAMA

FA RV FAZ